

## BAB 4

### METODOLOGI PENTAFSIRAN SHEIKH MUHAMMAD IDRIS AL-MARBAWI

#### 4.1 METODOLOGI PENTAFSIRAN AL-MARBAWI

Secara umumnya, tidak semua ayat al-Quran dihurai atau dijelaskan maksudnya. Al-Marbawi dalam kitab tafsirnya didapati hanya menghurai ayat-ayat yang dirasakan perlu kepada penjelasan manakala ayat yang jelas maksudnya melalui terjemahan ayat tidak dibahaskan. Semasa membuat tafsiran ayat, beliau didapati telah mengaplikasikan pelbagai metode bagi menghurai kandungan setiap ayat tersebut. Antara metode yang dikesan dapat dibahagikan kepada tiga bentuk iaitu pentafsiran berdasarkan sumber *ma'thur*, pentafsiran *al-ra'y* dan pentafsiran berdasarkan aplikasi ulum al-Quran.

##### 4.1.1 PENTAFSIRAN BERDASARKAN SUMBER *MA'THUR*

Pentafsiran berdasarkan sumber *ma'thūr* adalah tafsir yang berpegang kepada riwayat yang sahih iaitu berasaskan al-Quran, hadis nabi, pendapat sahabat dan tabi' tabi'in. Tafsir ini mempunyai kaitan rapat dengan ilmu *riwayah* yang merupakan sebahagian daripada ilmu sunnah nabawiyah dan memerlukan kepada syarat-syarat tertentu.

Al-Marbawi dalam tafsirannya mengamalkan bentuk tafsir ini dan berbekalkan ilmu yang diperolehinya, beliau memenuhi syarat sebagai seorang *mufassir* serta mampu mengetengahkan tafsiran yang baik. Berikut adalah huraian metodologi pentafsiran al-Marbawi berdasarkan sumber *ma'thur*:

#### 4.1.1.1 SUMBER AL-QURAN

Metode ini merupakan metode utama yang digunakan oleh para *mufassir* terdahulu iaitu dengan menggunakan ayat al-Quran itu sendiri bagi menjelaskan lagi maksud sesuatu ayat yang kabur keterangannya. Menurut Ibn Kathir cara tafsir yang terbaik ialah mentafsirkan al-Quran dengan al-Quran kerana sesuatu ayat yang ringkas pada sesuatu tempat mungkin ada penjelasannya pada ayat yang lain. Jika penjelasan tersebut tidak diperolehi maka hendaklah kembali kepada hadis Rasulullah S.A.W memandangkan hadis adalah penjelas kepada al-Quran.<sup>1</sup>

Al-Marbawi dalam tafsirannya menggunakan ayat al-Quran sebagai penjelas dalam dua keadaan. Adakalanya sebagai penerang ayat yang kabur dan adakalanya digunakan sebagai penguat terhadap huraian sesuatu ayat.

##### i) Penggunaan ayat al-Quran sebagai penguat<sup>2</sup>

Dalam konteks penggunaan ayat al-Quran sebagai penguat terhadap ayat yang ditafsir, beliau hanya menyatakan nama surah dan nombor ayat berkenaan tanpa memasukkannya ke dalam huraian bagi tujuan tafsiran yang ringkas. Contoh penggunaan metode ini dapat dilihat pada tafsiran beberapa ayat seperti berikut:

---

<sup>1</sup> 'Imād al-Dīn, Abū al-Fidā' Ismā'īl (1997), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, j. 1 Beirut : Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabiy, h. 3

<sup>2</sup> Sila lihat contoh-contoh lain dalam Tafsir Quran Marbawi Surah Yasin halaman 35, h. 36, h. 39, h. 51, h. 89

## Contoh 1

Firman Allah:

قُلْ إِنْ كَانَتْ لَكُمْ الدَّارُ الْآخِرَةُ عِنْدَ اللَّهِ خَالِصَةً مِّنْ دُونِ النَّاسِ فَتَمَنَّوْا الْمَوْتَ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٩٤﴾

*Maksudnya : “ Katakanlah (wahai Muhammad kepada kaum Yahudi): “ Kalau syurga negeri akhirat itu telah menjadi hak istimewa untuk kamu pada sisi hukum Allah , tidak boleh dicampuri oleh orang-orang lain ( seperti yang kamu dakwakan itu), maka cita-citakanlah mati (supaya kamu dimatikan sekarang juga), jika betul kamu orang-orang yang benar”.*

( Surah al-Baqarah (2) : 94 )

Semasa mentafsirkan ayat di atas , al-Marbawi merujuk ayat 111 dalam surah yang sama bagi menjelaskan lagi tentang perihal dakwaan orang Yahudi bahawa hanya kaum mereka yang akan masuk ke syurga. Pada ayat 111, Allah menjelaskan bahawa dakwaan orang-orang Yahudi itu hanyalah angan-angan semata dan Allah mencabar kaum Yahudi tersebut agar membawa bukti tentang dakwaan mereka jika mereka adalah orang yang benar.

Menurut al-Marbawi ayat di atas merupakan satu pembidasan daripada Allah iaitu firman-Nya yang bermaksud :*“Ya Muhammad, katakan olehmu pada Yahudi-Yahudi itu jika ada bagi kamu negeri syurga di sisi Allah tentu tiada orang-orang lain maka citalah sekalian kamu akan mati supaya lekas kamu masuk sehabis-habis baik jika ada sekalian kamu itu orang-orang yang benar pada dakwa demikian itu”*<sup>3</sup>

---

<sup>3</sup> Muhammad Idris al-Marbawi (1938), *Tafsir Quran Marbawi Juzuk Alif Lām Mīm*, Mesir : Matba'ah Marbawiyah , h. 73

## Contoh 2

Firman Allah:

وَسَوَاءٌ عَلَيْهِمْ ءَأَنْذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٠﴾

*Maksudnya : Dan (dengan sebab itu ) sama sahaja kepada mereka , engkau beri amaran atau engkau tidak beri amaran kepadanya- mereka tidak akan beriman.*

(Surah Yasin (36) : 10 )

Ayat di atas adalah berkisar tentang sikap kedegilan orang-orang yang tidak beriman untuk menerima kebenaran Islam. Sekalipun mereka diberi amaran dengan azab Allah atau tidak, pendirian mereka tetap sama untuk tidak menerima agama Islam. Al-Marbawi membawakan sepotong ayat lain iaitu ayat 8 surah al-Mulk bagi menguatkan lagi kenyataan tersebut. Mereka mengakui akan kedatangan seorang Rasul memberi peringatan kepada mereka tetapi kerana kedegilan mereka bukan sahaja mendustakan akan kebenaran tersebut bahkan mendakwa Rasul itu adalah sesat.<sup>4</sup>

ii) Penggunaan ayat al-Quran sebagai penjelas<sup>5</sup>

## Contoh 1

Firman Allah:

وَلَا تَقُولُوا لِمَنْ يُقْتَلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمَاتٌ ۚ بَلْ أَحْيَاءٌ  
وَلَكِن لَّا تَشْعُرُونَ ﴿١٥٤﴾

<sup>4</sup> Muhammad Idris al-Marbawi ( 1964) *Tafsir Quran Marbawi Surah Yasin*, Mesir : Matba'ah al-Anwar , h. 35

<sup>5</sup> Lihat contoh-contoh lain pada halaman 39-43, h. 46,h. 65

*Maksudnya : “ Dan janganlah kamu mengatakan ( bahwa ) sesiapa yang terbunuh dalam perjuangan membela agama Allah itu: orang-orang mati; bahkan mereka itu orang-orang yang hidup (dengan keadaan hidup yang istimewa ), tetapi kamu tidak dapat menyedarinya”*

( Surah al-Baqarah (2) : 154 )

Dalam ayat di atas, Allah menyatakan bahawa orang-orang yang terbunuh semasa membela agama Allah tidak lah mati tetapi mereka sebenarnya hidup dengan penuh keistimewaan. Menurut al-Marbawi, ayat tersebut merupakan ayat bidasan terhadap dakwaan orang-orang kafir bahawa orang-orang yang mati syahid semasa peperangan Badar adalah mati sia-sia dan hilang nikmat dunia.

Al-Marbawi menggunakan ayat 169-171, surah Ali Imran sebagai penjelasan lanjut terhadap keistimewaan yang diperolehi iaitu mendapat rezeki serta bersuka ria dengan limpahan kurniaan pahala syahid yang telah dijanjikan Allah dan pahala syahid tersebut tidak akan hilang.<sup>6</sup>

Contoh 2

Firman Allah:

﴿ أَلَمْ أَعْهَدْ إِلَيْكُمْ يَا بَنِي آدَمَ أَنْ لَا تَعْبُدُوا الشَّيْطَانَ ۖ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴾

*Maksudnya : Bukankah Aku telah perintahkan kanu wahai anak-anak Adam , supaya kamu jangan menyembah Syaitan? Sesungguhnya ia musuh yang nyata terhadap kamu*

( Surah Yasin (36) : 60)

<sup>6</sup> Muhammad Idris al-Marbawi (1938),*op.cit.*, h. 109

Ayat di atas tentang suruhan Allah Ta'ala agar tidak menyembah syaitan atau mengikut jejak langkahnya kerana ia adalah musuh yang nyata bagi manusia. Semasa al-Marbawi menghurai potongan ayat terakhir iaitu tentang syaitan adalah musuh yang nyata, beliau menyatakan bahawa sebab utama syaitan menjadi musuh utama bagi manusia adalah disebabkan oleh tujuh perkara yang dijanjikan syaitan pada Tuhan untuk manusia.

Bagi menjelaskan tujuh perkara tersebut, al-Marbawi mendatangkan dua ayat al-Quran iaitu empat perkara terkandung dalam ayat 119 dari surah al-Nisa' dan tiga perkara lagi terkandung dalam ayat 16 dan 17 dari surah al-A'raf. Dalam ayat 119 surah al-Nisa' terdapat empat perkara ancaman syaitan terhadap manusia iaitu menyesatkan manusia dari kebenaran, memperdayakan manusia dengan angan-angan kosong, menyuruh manusia mencacatkan binatang ternakan dan mengubah ciptaan Allah. Manakala dalam ayat 16 dan 17 surah al-A'raf pula menjelaskan tiga lagi jenis ancaman syaitan iaitu menghalang manusia menjalankan tanggungjawab kepada Tuhan, memberi syak kepada manusia tentang hari akhirat di mana tiada wujud syurga, neraka dan hari *Hisab* dan akhir sekali menggembirakan manusia dengan hal dunia sehingga manusia tidak akan bersyukur kepada Tuhan.<sup>7</sup>

#### 4.1.1.2 SUMBER AL-HADITH

Penggunaan hadis dalam kitab *Tafsir Quran Marbawi* didapati berbeza antara tafsiran surah al-Baqarah dalam *Tafsir Quran Marbawi Juzu' Alif Lām Mim* dan tafsiran *Tafsir Quran Marbawi Surah Yasin*. Dalam tafsiran surah al-Baqarah, penggunaan hadis tidak ditemui berkemungkinan beliau bermaksud untuk tafsiran

---

<sup>7</sup> Muhammad Idris al-Marbawi (1964), *op.cit*, h. 184-185

ringkas sahaja. Namun begitu, beliau ada menyebut rujukan kitab hadis karya beliau sendiri sekiranya pembaca ingin mengetahui perbincangan lanjut mengenainya. Hanya terdapat dua tempat sahaja kaedah ini digunakan iaitu pada tafsiran ayat 264, surah al-Baqarah dan tafsiran ayat 275 dalam surah yang sama.

Ayat 264 adalah ayat yang menyentuh tentang perihal pahala sedekah di mana pahala tersebut akan hilang sekiranya seseorang itu mengungkit pemberiannya sehingga menyakiti hati orang yang menerima sedekah.<sup>8</sup> Manakala ayat 275 pula adalah ayat riba'.<sup>9</sup> Pada kedua-dua tafsiran tersebut, al-Marbawi menyatakan bahawa perbincangan lanjut mengenainya dapat ditemui dengan merujuk kepada kitab *Baḥr al-Mādhī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Tirmīdhī* iaitu salah satu hasil karya beliau dalam bidang hadis.

Al-Marbawi dalam *Tafsir Quran Marbawi Surah Yasin* pula didapati beliau menggunakan hadis untuk menghurai sesuatu ayat. Hasil penelitian terhadap kitab tafsir tersebut, terdapat tiga bentuk hadis yang beliau gunakan semasa membuat huraian sesuatu ayat iaitu huraian berdasarkan *matan* hadis beserta sumber perolehan, *matan* hadis tanpa sumber dan huraian berdasarkan makna hadis sahaja.

Antara sumber perolehan hadis-hadis tersebut adalah dari *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan al-Tirmīdhī*, *Sunan al-Bayhaqī*, *Sunan Abū Dāwūd*, dan nukilan hadis dari kitab-kitab tafsir muktabar. Berikut adalah contoh bagi setiap bentuk hadis yang disebutkan tadi:

- i) Huraian berdasarkan *matan* hadis dan dinyatakan sumber perolehan<sup>10</sup>

---

<sup>8</sup> *Ibid.*, h. 187

<sup>9</sup> *Ibid.*, h. 195

<sup>10</sup> Sila lihat contoh-contoh lain pada halaman 77, h. 78, h. 87, h. 105

## Contoh 1

Firman Allah:

فَسُبْحَانَ الَّذِي بِيَدِهِ مَلَكُوتُ كُلِّ شَيْءٍ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ



*Maksudnya : Oleh itu akuilah kesucian Allah (dengan mengucap : Subhanallah)- Tuhan yang memiliki dan menguasai tiap-tiap sesuatu dan kepadaNya kamu semua dikembalikan*

( Surah Yasin (36) : 83)

Semasa menghurai tentang kenyataan bahawa “Hati Quran itu Yasin”<sup>11</sup> dalam ayat di atas beliau mendatangkan sebuah hadis bagi menguatkan lagi kenyataan di atas. Kandungan hadis tersebut menyatakan bahawa hati Quran itu adalah Yasin dan pahala bagi orang yang membaca Yasin umpama membaca al-Quran sebanyak 10 kali.<sup>12</sup>

Beliau menyatakan bahawa hadis tersebut dikeluarkan oleh Abu ‘Isa al-Tirmidhi dalam sahihnya. Beliau membawakan hadis berikut beserta terjemahannya:

عن انس بن مالك رضى الله عنه قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : ان لكل شيء قلبا وقلب القرآن يس ومن قرأ يس كتب الله لقراءتها قراءة القرآن عشر مرات

*Dari Anas bin Malik r.a katanya: Telah bersabda Rasulullah S.A.W : Bahawasanya bagi tiap-tiap suatu itu hati dan hati Quran itu surah Yasin dan barangsiapa membaca ia akan surah Yasin nescaya disuratkan tuhan bagi pahala bacaannya seperti membaca Quran sepuluh kali dengan tiada surah Yasin.*

Pada akhir huraiannya, beliau menyatakan bahawa hadis tersebut adalah hadis *Gharīb* menurut al-Tirmidhi.

<sup>11</sup> Perbincangan masalah 568

<sup>12</sup> *Ibid.*, h. 224



## Contoh 2

Firman Allah:

وَجَعَلْنَا فِيهَا جَنَّاتٍ مِّنْ نَّخِيلٍ وَأَعْنَابٍ وَفَجَّرْنَا فِيهَا مَنَّ

الْعَيْنُونَ ﴿٣٤﴾

*Maksudnya : Dan kami jadikan di bumi itu kebun-kebun kurma dan anggur dan Kami pancarkan padanya beberapa mataair.*

(Surah Yasin (36) : 34)

Semasa al-Marbawi menjelaskan maksud ayat di atas, al-Marbawi menyatakan bahawa buah kurma tersebut diserupakan nabi dengan orang Islam dalam perbincangan masalah 258. Menurut al-Marbawi, hadis tersebut terkandung dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* yang berbunyi begini:<sup>13</sup>

عن ابن عمر قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : ان من الشجر شجرة لا يسقط ورقها فانها مثل المسلم فحدثوني ما هي؟ فوقع الناس في شجر الوادي قال عبد الله : ووقع في نفسي انما النخلة فاستحييت، ثم قالوا : حدثنا ما هي يا رسول الله؟ قال : هي النخلة

*Ertinya : Diriwayatkan daripada ‘Abd Allah bin ‘Umar r.a katanya: Telah bersabda Rasulullah s.a.w : Bahawasanya sesetengah daripada pokok-pokok itu satu pokok kayu yang tiada gugur daunnya, maka sesungguhnya ia seumpama orang Islam, maka khabar oleh sekalian kamu pada aku(teka lah) apa dia?Maka jatuh teka lah orang-orang pada pohon-pohon kayu tanah lembah. Kata ‘Abd Allah bin ‘Umar : Dan jatuh tekanya didalam hatiku- bahawasanya ialah pohon kurma maka malu aku menerangkan teka ku kepada Rasulullah, kerana aku sedang kecil dan banyak orang-orang tua tidak terjawab. Tekanya kemudian berkata sahabat-sahabat nabi itu : Khabarlah akan kami apakah dia itu ya Rasulullah? Sabdanya : ialah pohon kurma.*

<sup>13</sup> *Ibid.*, h. 99-100

ii) Huraian berdasarkan *matan* hadis tanpa dinyatakan perolehan.<sup>14</sup>

Contoh 1

Firman Allah:

﴿ أَلَمْ أَعْهَدْ إِلَيْكُمْ يَبْنَىءَ آدَمَ أَن لَّا تَعْبُدُوا الشَّيْطَانَ ۖ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴾

*Maksudnya : “ Dan janganlah kamu mengatakan ( bahawa ) sesiapa yang terbunuh dalam perjuangan membela agama Allah itu: orang-orang mati; bahkan mereka itu orang-orang yang hidup (dengan keadaan hidup yang istimewa ), tetapi kamu tidak dapat menyedarinya”*

( Surah al-Baqarah (2) : 154 )

Ayat di atas mengandungi kenyataan bahawa syaitan adalah musuh utama bagi manusia. Semasa mentafsirkan ayat di atas, dalam masalah 464, al-Marbawi menyatakan bahawa wujudnya syaitan bagi manusia melalui sebuah hadis Rasulullah s.a.w sebagai dalil iaitu:<sup>15</sup>

انه قال لابي ذر، هل تعوذت بالله من شر شيطان الجن والانس قال : قلت وهل للانس الشيطان؟ قال نعم ، هم شر من شياطين الجن

*Maksudnya : Bahawasanya telah bersabda ia bagi seorang sahabatnya yang bernama Abu Dhar al-Ghifari r.a : Adakah berlindung engkau dengan Allah Ta’ala daripadakejahatan syaitan , jin dan manusia? Kata Abu Dhar: Sahutku adakah bagi manusia itu syaitan? Sabdanya : Bahkan, Syaitan manusia itu lebih jahat daripada syaitan-syaitan jin*

Berdasarkan hadis tersebut, beliau hanya menyebut *matan* dan makna hadis sahaja tanpa menyatakan periwayat hadis tersebut dan sumber perolehannya.

<sup>14</sup> Lihat contoh-contoh lain pada halaman 163, h.187, h. 94

<sup>15</sup> *Ibid*, h. 187

## Contoh 2

Firman Allah:

إِنْ كَانَتْ إِلَّا صَيْحَةً وَاحِدَةً فَإِذَا هُمْ جَمِيعٌ لَدَيْنَا  
مُحْضَرُونَ

*Maksudnya : (Kebiasaan mereka) hanyalah dilakukan dengan satu pekikan (yang dahsyat) maka dengan serta merta mereka semua senyap sepi tidak hidup lagi*

( Surah Yasin (36) : 29)

Ayat di atas adalah mengenai tiupan sangkakala malaikat Israfil pada hari kebangkitan. Semasa membuat huraian tentang pekikan malaikat Israfil pada masalah 414, al-Marbawi menyatakan bahawa keadaan mereka yang dibangkitkan dari kubur untuk ke padang Mahsyar adalah dalam keadaan tidak berpakaian. Bagi menyokong kenyataan tersebut, beliau mendatangkan sebuah *matan* hadis Rasulullah s.a.w beserta terjemahan yang tidak disebut nama periwayatnya dan sumber perolehannya.<sup>16</sup> Hadis tersebut adalah seperti berikut :

سألت عائشة رضى الله عنها، فقالت يا رسول الله ، أتحشر النساء مع الرجال عراة. قال عليه الصلاة والسلام نعم. قالت عائشة وافضحته، ثم بكت بكاء شديدا ، فقال عليه الصلاة والسلام لا تبكى يا عائشة. أما سمعت قول الله تعالى لكل امرئ منهم يومئذ شأن يغنيه لا يقدر أحد أن ينظر الى من في جنبه من هيبة ذلك اليوم.

*Ertinya : Telah bertanya Aisyah r.a kepada Rasulullah S.A.W katanya: Ya Rasulullah , adakah dikumpulkan orang-orang perempuan sama-sama dengan orang-orang lelaki dengan bertelanjang. Sabda baginda: Bahkan. Kata Aisyah : Aduhai malunya aku. Kemudian menangis ia akan sebagai tangisan yang bersangatan maka sabda baginda: Tak usahlah engkau menangis hai Aisyah. Tidakkah engkau telah dengar firman*

<sup>16</sup> *Ibid.*, h. 163. Contoh-contoh lain boleh dilihat dalam *Tafsir Quran Marbawi Surah Yasin* h. 5, h. 13, h. 15, h. 16, h. 25

*Allah Ta'ala di dalam Quran-Nya , bagi tiap-tiap seorang daripada mereka itu pada hari itu hal dirinya cukuplah padanya, tiada upaya seorang memandang kepada siapa di rusuknya dari sebab kehebatan huru-hara itu hari.*

iii) Huraian berdasarkan makna hadis sahaja

Huraian berdasarkan makna hadis ditemui pada satu tempat sahaja iaitu pada huraian ayat 49, surah Yasin. Ayat tersebut menyentuh tentang kebinasaan golongan yang sibuk dengan urusan dunia melalui tiupan sangkakala. Al-Marbawi telah mengupas ayat tersebut dalam sembilan perbincangan bermula dengan perbincangan masalah 387 hingga masalah 395.

Penggunaan makna hadis telah dikesan dalam perbincangan masalah 389,391, 393, dan 394. Kesemua hadis tersebut masing-masing diambil dari kitab *Tafsīr Qurṭubī* dan *Tafsīr al-Ṭabarī*. Berikut adalah contoh makna hadis tersebut:

Contoh Makna Hadis 1:<sup>17</sup>

*Telah diriwayatkan seorang sahabat nabi yang bernama Abu Hurayrah r.a, katanya : telah bersabda Rasulullah s.a.w : Berlaku Kiamat pada ketika orang-orang membenteng (mendedahkan) kain berjual beli, tiada sempat penjual atau pembeli melipatkan kain itu tiba-tiba berlaku Kiamat. Dan ada orang-orang yang membaiki kolam minum ternakan, tiada sempat ia memberi minuman tiba-tiba berlaku Kiamat dan ada orang-orang merendahkan neracanya, tiada sempat ia mengangkat mau menimbang tiba-tiba berlaku Kiamat dan ada orang-orang yang menyuap makannya kemulutnya, tiada sempat ia menelannya tiba-tiba berlaku Kiamat.*

Hadis di atas digunakan semasa membahaskan persoalan tiupan sangkakala yang pertama dan menurut al-Marbawi ia diambil dari *Tafsīr Qurṭubī*.<sup>18</sup>

---

<sup>17</sup> Makna Hadis dalam huraian 'masalah' 389

<sup>18</sup> *Ibid.*, h. 151

## Contoh Makna Hadis 2:<sup>19</sup>

“Telah diriwayatkan daripada seorang sahabat nabi s.a.w namanya Abu Hurayrah r.a, katanya telah bersabda Rasulullah s.a.w : Bahawasanya Allah Ta’la apakala telah selesai ia daripada menjadikan segala langit dan bumi, menjadi ia akan sangkakala, maka diberikannya kepada malaikat yang bernama Israfil iaitu dihantarkan di atas mulutnya lekat matanya memandang ‘arasy al-Rahman menantikan masa diperintah tuhan akan dia meniupnya”

Hadis tersebut digunakan bagi menghurai isu sangkakala dan malaikat yang diberi tanggungjawab. Al-Marbawi menyatakan bahawa hadis itu diambil dari *Tafsir Ibn Jarir al-Tabari*.<sup>20</sup>

### 4.1.1.3 PENDAPAT SAHABAT

Penafsiran ayat-al-Quran berdasarkan pendapat sahabat juga dikesan dalam *Tafsir Qur’an Marbawi* tetapi tidak dinyatakan tempat ambil pendapat tersebut. Antara sahabat yang disebut dalam kitabnya ialah Ibn ‘Abbās, ‘Alī bin Abī Ṭālib, Anas bin Mālik dan Qatādah. Contoh dapat dilihat pada tafsiran ayat-ayat berikut.<sup>21</sup>

i) Firman Allah:

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالْدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنزِيرِ وَمَا  
أُهِلَّ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ فَمَنْ أَضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ  
عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٧٣﴾

<sup>19</sup> Makna Hadis dalam huraian ‘masalah’ 391

<sup>20</sup> *Ibid.*, h. 152. Contoh-contoh lain penggunaan hadis dalam bentuk ini boleh didapati pada halaman 18,

<sup>21</sup> Lihat contoh-contoh lain pada halaman 86 dan h.91

*Maksudnya : “ Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah; maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun , lagi Maha Mengasihani.”*

( Surah al-Baqarah (2) : 173)

Ayat di atas adalah ayat mengenai pengharaman memakan makanan berupa bangkai, darah ,daging khinzir dan binatang-binatang yang disembelih tanpa niat kerana Allah. Al-Marbawi menghurai setiap jenis pengharaman tersebut dan apabila sampai kepada huraian tentang pengharaman memakan binatang-binatang yang disembelih bukan kerana Allah, beliau merujuk kepada kata-kata Saidina ‘Ali R.A bagi mengukuhkan lagi pengharaman tersebut. Al-Marbawi menyebut:<sup>22</sup>

*“Kata Saidina Ali R.A apabila sekalian kamu dengar Yahudi dan Nasrani menyembelih kerana lain daripada Allah maka jangan sekalian kamu makan dan apabila menyembelih kerana Allah maka makanlah”*

ii) Firman Allah:

وَقَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِينَ يُقْتُلُونَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوا إِنَّ

اللَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ ﴿١٩٠﴾

*Maksudnya : “ Dan perangilah kerana (menegakkan dan mempertahankan) agama Allah akan orang-orang yang memerangi kamu, dan janganlah kamu menceroboh (dengan memulakan peperangan); kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang menceroboh.*

( Surah al-Baqarah (2) : 190 )

Ayat di atas menyentuh tentang arahan berperang terhadap mereka yang memulakan peperangan dan larangan berperang kepada orang-orang yang tidak

<sup>22</sup> Muhammad Idris al-Marbawi (1938),*op.cit.*, h. 120

memulakan peperangan. Semasa al-Marbawi menafsirkan ayat tersebut, beliau membawakan riwayat Ibn ‘Abbās yang berbunyi: <sup>23</sup>

“ Bermula makna (ولا تعتدوا) yakni jangan memerangi sekalian kamu akan perempuan-perempuan dan kanak-kanak dan orang-orang tua dan pegawai-pegawai agama dan orang-orang kafir yang mengucapkan syahadah”

Riwayat tersebut dirujuk bagi menjelaskan ciri-ciri orang yang tidak boleh diperangi iaitu kaum perempuan, kanak-kanak, orang-orang tua, pegawai-pegawai agama dan orang-orang kafir yang mengucapkan syahadah, selagi mana golongan ini tidak memulakan peperangan ke atas orang-orang Islam.

iii) Firman Allah:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ قُلْ هُوَ أَذًى فَأَعْتَزِلُوا النِّسَاءَ  
فِي الْمَحِيضِ وَلَا تَقْرَبُوهُنَّ حَتَّى يَطْهَرْنَ فَإِذَا تَطَهَّرْنَ  
فَأْتُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمَرَكُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ  
وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ

Maksudnya : “Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (hukum haid). Katakanlah: “Darah haid itu satu benda yang (menjijikkan dan) mendatangkan mudarat”. Oleh sebab itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari perempuan (jangan bersetubuh dengan isteri kamu) dalam masa datang darah haid itu, dan janganlah kamu hampiri mereka (untuk bersetubuh) sebelum mereka suci. Kemudian apabila mereka sudah bersuci maka datangilah mereka menurut jalan yang diperintahkan oleh Allah kepada kamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri”

( Surah al-Baqarah (2) : 222)

<sup>23</sup> Ibid., h. 132

Al-Marbawi juga merujuk riwayat Anas bin Malik ketika menafsirkan ayat di atas yang menyentuh tentang masalah haid. Riwayat tersebut berbunyi: <sup>24</sup>

*“ Orang-rang Yahudi apabila haid isterinya tidak mereka itu makan sama dan tidak duduk serumah, maka bertanya sahabat nabi kepada Rasulullah, bagaimana hukum jima’ dengan perempuan haid dan duduk makan sama-sama dengan mereka itu, maka turun firman Allah suruh dijawabkan – hendaklah sekalian kamu hai orang yang beristeri jangan bercampur gaul dan jima’ isteri di dalam haid sampai bersih ia dari haidnya itu. Maka apabila sudah mandi haid maka jima’lah di farajnya jangan di duburnya demikian itulah suruh Allah. Dan jika sekiranya seorang itu berdosa kemudian taubat ia maka tuhan itu amat suka kepada orang taubat dan tuhan itu sukakan orang yang suci dirinya daripada dosa-dosa dan kotor”.*

#### 4.1.2 PENTAFSIRAN BERDASARKAN AL-RA’Y

Pentafsiran berdasarkan *al-Ra’y* ataupun dikenali dengan tafsir *bi al-Ra’y* ialah tafsir berdasarkan ijtihad dan *qiyas* (analogi). Pentafsiran ini diharuskan sekiranya seseorang ahli tafsir itu benar-benar menguasai bahasa Arab, pengetahuan tentang *asbab al-nuzul*, *al-nasikh wa al-mansukh* dan lain-lain lagi syarat yang diperlukan oleh seorang ahli tafsir.<sup>25</sup>

Berdasarkan pada kenyataan di atas, al-Marbawi berkecenderungan untuk menggunakan metode *al-Ra’y* memandangkan beliau berkemahiran dalam bidang bahasa Arab dan telah dibuktikan melalui hasil karya beliau yang terkenal iaitu *Kamus al-Marbawi*.<sup>26</sup> Terdapat dua bentuk pentafsiran berdasarkan sumber *al-Ra’y* telah dikenalpasti iaitu pentafsiran berdasarkan pengetahuan saintifik dan pentafsiran berdasarkan faktor sosial. Berikut adalah contoh-contoh bagi kedua-dua bentuk tersebut:

---

<sup>24</sup> *Ibid.*, h. 155

<sup>25</sup> Al-Dhahabī (2000), *op.cit.*, J. 1, h. 265

<sup>26</sup> Keterangan lanjut mengenainya telah dinyatakan dalam tajuk ‘Hasil Karya al-Marbawi’



Metode ini turut digunapakai semasa menafsirkan ayat al-Quran. Beliau memasukkan elemen saintifik pada contoh ayat berikut:

i) Firman Allah:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ  
وَالْفُلْكِ الَّتِي تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ النَّاسَ وَمَا أَنْزَلَ  
اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ مَّاءٍ فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَّ  
فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ وَتَصْرِيفِ الرِّيْحِ وَالسَّحَابِ الْمُسَخَّرِ  
بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿١٦٤﴾

*Maksudnya : “ Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta ia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan ke-Esaan Allah, kekuasaanNya, kebijaksanaanNya, dan keluasan rahmatNya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran.*

( Surah al-Baqarah (2) : 164 )

Ayat di atas adalah mengenai kejadian langit dan bumi, pertukaran siang dan malam, kapal yang belayar di lautan, kejadian air hujan, tiupan angin dan kejadian awan berarak antara langit dan bumi sebagai bukti keesaan Allah Ta’ala.

<sup>27</sup> Lihat contoh-cotoh lain dalam Tafsir Quran Marbawi Surah Yasin pada halaman 97

Semasa al-Marbawi menghuraikan ayat di atas beliau menyatakan hubungan ayat sebelumnya dengan ayat di atas. Beliau menyatakan bahawa ayat sebelumnya iaitu ayat 163 menyentuh tentang sifat keesaan Allah manakala ayat di atas pula merupakan ayat tentang tanda keesaanNya melalui lapan keajaiban tuhan. Seterusnya, beliau membuat huraian lanjut berdasarkan pengetahuan sains sambil membawa pembaca berfikir mengenainya iaitu.<sup>28</sup>

*[1]Keajaiban langit dan bumi. Lihatlah serta fikirkan langit bukankah nampak kejadiannya tinggi dan luas dan runjung, adakah bertongkat atau bertiang atau digantungkan ke mana. Kemudian tilik pula sudah dihias akan dia dengan matahari-bulan dan bintang.Lihat pula bumi, berapakah besarnya, bagaimana terbentang semacam hamparan, cukup pelbagai anekadi dalamnya, daripada gunung dan bukit-laut dan sungai-tali air dan parit, batu dan kayu, galian-galian dan tumbuh-tumbuhan, manusia dan jin dan binatang laut dan darat dan lainnya. Bukankah semuanya itu menunjukkan tiada banding bagi tuhan yang menjadikan perkara-perkara itu.*

*[2]Malam dan siang. Pandai segala tuhan itu mengadakan terkadang panjang malam, terkadang panjang siang, terkadang sama panjang, dan elok pula hikmatnya di situ iaitu malam itu masa tidur dan bersenang-senang diri, dan siang itu masa berhidup-hidup dan mencari-mencari. Semuanya itu faedah bagi manusia .*

*[3]Bahtera di laut. Betapalah dengan senang Allah ta'ala jadikan bahtera yang begitu besarnya berlayar menyebak (membelah) air laut, menurut sekehendak hati dengan tidak jadi air laut itu mengaramkan, boleh ke mana-mana kapal itu boleh ke hadapan dan boleh mundur dan boleh menyerang musuh dan mempertahannya dan sebagainya.*

*[4]Apa isi kapal itu-ini satu daripada keajaiban makhluk Allah dan jadi tanda keesaannya, iaitu lihat bila berisi kapal itu dengan barang perniagaan dan apa-apa barang yang menguntungkan maka dijadikan Allah Ta'ala tetap hati yang empunya barang dan hati orang yang memperlayarkannya, tidak takut gelombang .Tidak takut berlaga dengan karang, tidak takut pecah kepala di dalam pelayaran yang lama itu.Dan hairan pula dengan murah Allah dan kurniaNya memberi beberapa bilangan anggota yang semacam tunggul berjalan boleh membawa dan menjalankan-memindahkan barang*

---

<sup>28</sup> Muhammad Idris al-Marbawi (1938), *op.cit* , h. 114

*sebagai gunung dengan kapal dari satu negeri kepada satu negeri, ada yang menjadi nakhoda, ada serang, ada kelasi, ada lainnya. Semuanya itu menunjukkan tanda keesaan Allah dan amat kuasanya.*

*[5]Hujan iaitu satu keajaiban makhluk Allah.Bukankah hujan itu ialah air yang Allah Ta'ala jadikan dari awan kemudian turun daripadanya ke bumi, bukankah mulanya daripada wap dan kabut, kemudian naik ke atas langit sudah menjadi awan, kemudian jadi air hujan. Turunlah ia ke bumi, sudahlah subur bumi dengan sebabnya dan hiduplah manusia dan binatang dengan menggunakannya.*

*[6]Binatang yang berserak di bumi. Daripada apa binatang yang berjalan dengan kaki dua atau empat maka semuanya menunjukkan atas maha kuasa tuhan, kerana cuba lihat, berapakah banyak jenis binatang besar dan kecil, dan dalam satu jenis binatang itu berapa macam pula rupanya, ambil tilik kepada manusia sahaja, semuanya asal daripada Adam. Kemudian jadi bermacam-macam rupanya, bermacam-macam warnanya, bermacam-macam jenisnya, bermacam-macam bahasanya, bermacam-macam perangnya, bermacam-macam budi pekertinya dan sebagainya. Maka semua itu adakah jadi dengan sendiri, tidak-tidak. Bahkan pasti dijadikan tuhan yang Esa lagi maha kuasa. Dan jadilah semua itu dalil atas kekuasaan tuhan yang Esa.*

*[7]Angin iaitu dibalik-balikkan Allah bertiup ke kanan dan ke kiri, ke hadapan dan ke belakang, dengan kerana itu jadi berapa banyak macamnya, ada angin Utara, angin Barat, angin Timur, angin Selatan, angin gila, angin darat, angin laut, angin gunung-gunungan, angin haluan, angin kelambu sebelah, angin menimba ruang, angin puting beliung, angin salah, angin tenggara mandi, angin timba ruang dan lainnya. Ada pula angin itu lembut tiupannya ada pula keras, ada pula panas, ada sejuk, ada sedang, ada bau harum, ada bau busuk dan sebagainya. Panjanglah keterangan angin itu maka semua yang demikian itu tanda atas Esa Allahyang menjadikannya tiada berbanding baginya.*

*[8]Awan-adalah pada awan satu tanda keesaan Allah, tiada siapa kuasa menjadikan lain daripadanya, dijadikannya pada awan beberapa banyak air, sampai boleh memenuhi segenap ceruk denai apabila turun ia, sampai penuh segala siwak sawang, paya dan danau, sungai kecil dan besar, maka betapalah semua itu jikalau tidak dengan kekuasaan yang tiada bandingnya.*

ii) Firman Allah:

وَالْقَمَرَ قَدَّرْنَاهُ مَنَازِلَ حَتَّىٰ عَادَ كَالْعُرْجُونِ الْقَدِيمِ ﴿٣٩﴾

*Maksudnya : Dan bulan pula Kami takdirkan dia beredar melalui peringkat sehingga diakhir peredarannya kelihatan kembalinya pula ke peringkat awalnya –(berbentuk melengkung) seperti tanda kering.*

( Surah Yasin (36) : 39)

Semasa al-Marbawi menghurai ayat di atas, beliau membawa pembaca kepada perbincangan berasaskan pengetahuan astronomi khusus dalam huraian kalimah “*al-qamar*” dan kalimah “*manazil*” iaitu tentang kejadian bulan dan matahari.

Menurut al-Marbawi kalimah “*al-qamar*” merupakan satu bintang yang besar antara tujuh bintang lain dan ia beredar secara semulajadi di cakerawala yang di bawah (*al-falak al-asfal*). Ia menerima cahaya daripada matahari dalam pelbagai rupa dan warna jirimnya kehitam-hitaman. Seterusnya, beliau turut mengulas sedikit mengenai matahari di mana ia merupakan satu nikmat yang besar dan tuhan menjadikannya di tengah-tengah tujuh bintang iaitu Bulan, ‘Utarid, Zuhal, Marikh, Musytari, Zuhrah dan matahari supaya tabiat semulajadinya berkekalan. Tambahnya lagi, jika matahari berada pada cakerawala bintang-bintang yang tidak bergerak mengikut peredarannya sudah pasti akan binasa dengan sebab suhu yang sejuk dan sekiranya kedudukan bintang-bintang tersebut berada dalam keadaan mereng ke arah cakerawala bulan sahaja maka sudah tentu alam ini akan terbakar kerana tinggi suhu panasnya.<sup>29</sup>

<sup>29</sup> Muhammad Idris al-Marbawi (1964), *op.cit*, h. 114

Mengenai kalimat “*al-manāzil*” pula, beliau memberikan terjemahannya sebagai tempat turun bulan dan menurutnya lagi , terdapat 28 tempat turun bulan yang dinamakan seperti berikut.<sup>30</sup>

- 1) *al-Saraṭān*
- 2) *al-Baṭīn*
- 3) *al-Thurayya*
- 4) *al-Dabarān*
- 5) *al-Haq’ah*
- 6) *al-Han’ah*
- 7) *al-Dhara’*
- 8) *al-Nasyrah*
- 9) *al-Ṭarf*
- 10) *al-Jabhah*
- 11) *al-Khartān*
- 12) *al-Ṣarfah*
- 13) *al-‘Awwa’*
- 14) *al-Samāk*
- 15) *al-Ghafr*
- 16) *al-Zabānayān*
- 17) *al-Aklīl*
- 18) *al-Qalb*
- 19) *al-Syawlah*
- 20) *al-Na’āim*
- 21) *al-Baldah*
- 22) *Sa’d al-Dhārīh*

---

<sup>30</sup> *Ibid.*, h. 115

- 23) *Sa'd Bala'*
- 24) *Sa'd al-Su'ud*
- 25) *Sa'd al-Akhbiyah*
- 26) *Al-Far' al-Muqaddam*
- 27) *Al-Far' al-Muakhhar*
- 28) *Baṭn al-Ḥūt*

#### 4.1.2.2 Penafsiran berdasarkan faktor sosial

Aplikasi metode di atas dapat dilihat pada ayat berikut.<sup>31</sup>

Firman Allah:

إِنَّمَا يَأْمُرُكُمْ بِالسُّوْءِ وَالْفَحْشَاءِ وَأَنْ تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ مَا  
 لَا تَعْلَمُونَ

*Maksudnya : “ Ia hanya menyuruh kamu melakukan kejahatan dan perkara-perkara yang keji, dan (menyuruh) supaya kamu berkata (dusta ) terhadap Allah, apa yang kamu tidak ketahui ( salah benarnya ).*

( Surah al-Baqarah (2) : 169 )

Ayat di atas mengenai perihal bisikan syaitan yang sentiasa menyeru melakukan kejahatan. Dengan huraian panjang lebar, beliau menjelaskan contoh-contoh bisikan syaitan berdasarkan tingkah laku manusia yang seringkali dilihat berlaku dalam masyarakat hari ini. Walaupun kebanyakan masa beliau berada di Mesir, beliau tetap mengikuti perkembangan isu kemasyarakatan yang berlaku di tempat kelahirannya pada ketika itu.

<sup>31</sup> Lihat contoh-contoh lain pada halaman 190, h.131 dan h.168

Antara isu-isu sosial yang disebut al-Marbawi ialah perbuatan mencarut, mencabul, mengumpat, pekerjaan maksiat, sikap menangguh ibadah solat, sikap mengharuskan perbuatan mencuri harta benda orang-orang Cina dan banyak lagi. Kesemua perkara di atas sememangnya berlaku dalam masyarakat hari ini dan beliau memberikan contoh sedemikian sebagai satu teguran dan nasihat, dengan harapan ia akan disebarikan oleh pembaca kitab tafsir ini.<sup>32</sup>

#### 4.1.2.3 Pentafsiran Berdasarkan Nasihat dan Iktibar

Al-Marbawi turut menyelitikan elemen nasihat dan iktibar semasa membuat huraian terhadap ayat-ayat al-Quran. Penggunaan elemen ini dapat dikesan melalui ungkapan al-Marbawi seperti “ ya saudaraku”, “ ya saudara-saudara”, “ hai saudara-saudara”, “ hai sekalian saudara” dan banyak lagi, pada permulaan perenggan huraian ayat. Ungkapan-ungkapan tersebut menunjukkan bahawa penulis menginginkan pembaca mengambil pengajaran dan nasihat dari huraian sesuatu ayat al-Quran.

Selain dari menggunakan ungkapan-ungkapan tersebut, unsur nasihat juga ditemui secara tidak langsung dalam huraian ayat. Berikut adalah contoh penggunaan unsur nasihat semasa huraian ayat dilakukan:<sup>33</sup>

i) Unsur nasihat berbentuk ungkapan dikesan dalam huraian ayat 1, surah al-Fatihah iaitu pada ayat *basmalah*. Al-Marbawi menyatakan seperti berikut:<sup>34</sup>

“ Ya saudaraku. Bukankah tiap-tiap seorang yang hendak bekerja , memulai ia dengan yang lebih patut dan lebih

---

<sup>32</sup> Muhammad Idris al-Marbawi (1938), *op.cit.*, h. 118

<sup>33</sup> Lihat contoh-contoh lain pada halaman 108, h.113, h.125, h.139

<sup>34</sup> *Ibid.*, h. 2

*sayugianya dimulakan, supaya bertambah baik dan elok pekerjaan itu, serta dapat banyak faedah daripadanya.”*

*“Apakala engkau yakinkan begitu, tidaklah ada yang sayugia daripada memulai apa pekerjaan yang diharuskan oleh syara' lebih daripada memulainya dengan bismillahirrahmanirrahim. Menurut sebagaimana Allah ta'ala memulai kitabnya dengan bismillah juga dan menjunjung nabi sallallahualaihiwasallam yang masyhur di dalam kitab-kitab.maka barangsiapa memperbuat yang demikian mencapai akan pahala”*

Huraian tersebut menjelaskan agar setiap pekerjaan hendaklah dimulai dengan lafaz basmalah supaya apa-apa pekerjaan yang dilakukan berjalan lancar serta memperolehi ganjaran pahala. Contoh lain penggunaan unsur nasihat ialah pada huraian ayat berikut:

Firman Allah:

فَمَنْ بَدَّلَهُ بَعْدَمَا سَمِعَهُ فَإِنَّمَا إِثْمُهُ عَلَى الَّذِينَ  
يَبَدِّلُونَهُ إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٨١﴾

*Maksudnya : “ Kemudian sesiapa yang mengubah mana-mana wasiat sesudah ia mendengarnya, maka sesungguhnya dosanya hanya ditanggung oleh orang-orang yang mengubahnya; sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui*

( Surah al-Baqarah (2) : 181)

Dengan menggunakan ungkapan “Maka jaga-jagalah saudaraku...” al-Marbawi menasihati agar tidak menukar atau mengubah wasiat orang yang telah meninggal dunia atau menafikan wasiat yang telah dibuat olehnya kerana ia adalah satu dosa yang ditanggung oleh pengubah wasiat bukannya pada orang yang telah meninggal dunia.<sup>35</sup>

<sup>35</sup> *Ibid.*,h. 125



ii) Unsur nasihat secara tidak langsung dalam huraian pula didapati pada huraian ayat berikut:

Firman Allah:

يٰۤاَيُّهَا بَنِي إِسْرَائِيلَ اذْكُرُوا نِعْمَتِيَ الَّتِي أَنْعَمْتُ عَلَيْكُمْ وَأَوْفُوا بِعَهْدِي أُوفِ بِعَهْدِكُمْ وَإِيَّايَ فَارْهَبُونِ ﴿٤٠﴾

*Maksudnya : “ Wahai Bani Isra’il! Kenangkanlah kamu akan segala nikmat yang telah Ku berikan kepada kamu, dan sempurnakanlah perjanjian (kamu) dengan Ku, supaya Aku sempurnakan perjanjianKu dengan kamu; dan kepada Akulah sahaja hendaklah kamu merasa gerun dan takut, (bukan kepada sesuatu yang lain)”*

( Surah al-Baqarah (1) : 40 )

Ayat di atas adalah ayat yang berkaitan dengan teguran Allah Ta’ala terhadap Bani Israel yang lupa pada nikmat yang diberikan dan tuntutan agar mereka beriman kepada Allah. Al-Marbawi menjelaskan maksud “perjanjian mereka dengan tuhan” tersebut dengan perjanjian Bani Israel untuk mempercayai nabi Muhammad s.a.w manakala yang dikatakan “janji tuhan dengan mereka” pula ialah balasan syurga sebagai imbalan kepada keimanan mereka pada nabi.

Seterusnya al-Marbawi menyebut petikan di bawah yang mengandungi unsur nasihat dan pengajaran :<sup>36</sup>

*“Hai sekalian saudara, Allah ta’ala memberi nasihatnitu kepada Yahudi tetapi tiadalah tujuannya kepada Yahudi semata-mata Yahudi, bahkan ialah menjadi pengajaran bagi sekalian orang mukmin daripada umat nabi Muhammad. Seolah-olah maksudnya – Hai umat Muhammad sekalian, hendaklah kenang-kenangi nikmat yang Aku anugerahkan kepada kamu sekalian*

<sup>36</sup> Ibid., h. 40

*kamu akan sebagai kenangan yang memustahakkan sekalian kamu ibadah kerana aku. Ambil sekalian kamu ingat akan anugerahKu serta banyak syukur sekalian kamu dengan menjunjung apa suruhKu dan menjauhkan apa tegahKu nescaya mendapat keselamatan sekalian kamu dunia akhirat”*

Beliau mengakhiri huraian dengan menasihati agar tidak menjadi seperti Yahudi yang bukan sahaja tidak mahu menerima nasihat yang terkandung dalam al-Quran dan nabi bahkan tidak mahu beriman.

#### **4.1.3 PENTAFSIRAN BERDASARKAN ASPEK ULUM AL-QURAN**

Selain daripada menggunakan pentafsiran berdasarkan sumber *ma'thūr* dan *al-ra'y*, beliau turut memasukkan elemen ulum al-Quran bagi mempelbagaikan lagi bentuk pentafsirannya. Ini membuktikan bahawa sebagai mufassir beliau tidak mengeneipkan aspek ulum al-Quran yang menjadi tunjang kepada pemahaman ayat-ayat al-Quran. Berikut adalah contoh-contoh pentafsiran al-Marbawi berdasarkan aspek ulum al-Quran.

##### **4.1.3.1 BERDASARKAN *ASBĀB AL-NUZŪL***

Semasa mentafsirkan ayat-ayat tertentu dalam al-Quran, al-Marbawi menyatakan sebab penurunan atau *asbāb al-nuzūl* ayat tersebut. Beliau menggunakan ungkapan-ungkapan seperti “*sebab turun ayat ini*” dan “*turun ayat ini*” bagi menjelaskan sebab penurunan sesuatu ayat. Terdapat dua bentuk aplikasi *asbāb al-nuzūl* dikesan dalam metodologi al-Marbawi. Bentuk pertama ialah menyatakan *asbāb al-nuzūl* dengan huraian lanjut dan bentuk kedua pula ialah tanpa menyatakan huraian ayat. Berkemungkinan, bagi al-Marbawi sudah cukup mendatangkan *asbāb al-nuzūl* sebagai penjelasan terhadap ayat tersebut.

Berikut adalah beberapa contoh aplikasi aspek *asbāb al-nuzūl* dalam tafsiran al-Marbawi:<sup>37</sup>

i) *Asbāb al-nuzūl* beserta huraian dapat dilihat pada tafsiran ayat 106, surah al-Baqarah iaitu firman Allah:

﴿ مَا نَنْسَخْ مِنْ آيَةٍ أَوْ نُنسِهَا نَأْتِ بِخَيْرٍ مِّنْهَا أَوْ مِثْلَهَا أَلَمْ تَعْلَمْ أَنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴾

*Maksudnya* : “Apa sahaja ayat keterangan yang Kami mansuhkan (batalkan), atau yang Kami tinggalkan (atau tangguhkan ), Kami datangkan ganti yang lebih baik daripadanya, atau yang sebanding dengannya. Tidakkah engkau mengetahui bahawasanya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu?

( Surah al-Baqarah (2) : 106 )

Ayat di atas menyentuh tentang urusan Allah untuk membatalkan sesuatu ayat yang yang diturunkan dengan mendatangkan ayat lain yang lebih baik dari sebelumnya. Al- Marbawi memulakan huraian ayat dengan menyatakan *asbāb al-nuzūl* bagi ayat di atas yang dipetik dari kitab al-Wāhidī iaitu:<sup>38</sup>

“ *Sebab pun turun ayat ini kerana orang-orang kafir Musyrik berkata : Cubalah sekalian kamu lihat perbuatan Muhammad, pada hari ini disuruhnya satu pekerjaan kemudian sudah ditegahnya pula. Maka semuanya itu bukannya dari fikirannya sendiri ? Bukannya suatu itu daripada tuhan. Maka itulah menunjukkan Muhammad itu bohong semata-mata. Maka turun firman Allah Ta’ala di atas itu”*

<sup>37</sup> Sila rujuk contoh-contoh lain dalam *Tafsir Quran Marbawi Surah Yasin* h. 24 dan *Tafsir Quran Marbawi Juzuk Alif Lām Mīm* pada halaman 79, h.103, h.112, h.117, h.127, h.129, h.144, h.148 , h.150, h.151 dan h. 156

<sup>38</sup> *Ibid.*, h. 81. Abū al-Ḥasan ‘Ali bin Aḥmad al-Wāhidī al-Nīsābūrī (1987), *Asbāb al-Nuzul*, c. 3, Beirut :Mu’assasah ‘Ulum al- Quran, h. 70

Setelah selesai menyatakan *asbāb al-nuzūl*, beliau seterusnya meneruskan huraian ayat berdasarkan potongan-potongan ayat. Beliau menyatakan makna nasakh ayat dengan ungkapan “ menerangkan akhar yang diperbuat ibadah dengan membacanya atau menyatakan akhar hukum yang dapat faedah daripadanya ataupun dengan keduanya sekali” manakala maksud ayat “nunsikha” dihurai dengan ungkapan “kami datangkan lebih baik atau seumpamanya yakni diberi yang lebih berguna dan lebih mudah dan lebih pahala atau diberi seumpamanya pada faedah dan pahala”. Seterusnya beliau mengakhiri huraian dengan membawakan potongan ayat terakhir iaitu ( الم تعلم الآية ) beserta terjemahannya iaitu “ tidakkah engkau ya Muhammad dan umatmu tahukan aku berkuasa atas tiap-tiap sesuatu”<sup>39</sup>

ii) *Asbāb al-nuzūl* tanpa huraian pula dapat dilihat pada tafsiran ayat 144, surah al-Baqarah iaitu firman Allah:

قَدْ نَرَى تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاءِ ۚ فَلَنُوَلِّيَنَّكَ قِبْلَةً  
تَرْضَاهَا ۚ فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ ۚ وَحَيْثُ مَا  
كُنْتُمْ فَوَلُّوا وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ ۗ وَإِنَّ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ  
لَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ ۗ وَمَا اللَّهُ بِغَفِلٍ عَمَّا  
يَعْمَلُونَ

Maksudnya : “ Kerap kali Kami melihat engkau (wahai Muhammad), berulang-ulang menengadah ke langit maka Kami benarkan engkau berpaling menghadap kiblat yang engkau sukai. Oleh itu, palingkanlah mukamu ke arah masjid al-Haram (tempat letaknya Ka’bah), dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya. Dan sesungguhnya orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah diberikan Kitab, mereka mengetahui bahawa perkara (berkiblat

<sup>39</sup> Ibid

*ke Ka'bah) itu adalah perintah yang benar dari Tuhan mereka; dan Allah tidak sekali-kali lalai akan apa yang mereka lakukan.”*

( Surah al-Baqarah (2) : 144 )

al-Marbawi menyatakan:<sup>40</sup>

*“ Sebab turun ayat ini- bahawasanya nabi sallallahu alaihi wasallam dan sahabat-sahabatnya selama-lamanya sembahyang di Mekah menghadap kiblat. Maka tatkala berpindah ke Madinah suka ia hendak berhadap kiblat menghala Bait al-Maqdis. Maka diizin Allah akan dia supaya lebih hampir kepercayaan Yahudi akan nabi apabila sembahyang menghadap kiblat mereka itu dan mudah-mudahan jinak hatinya dan menurut masuk Islam, setelah enam belas atau tujuh belas bulan nabi dan sahabatnya menghadap Bait al-Maqdis datanglah hatinya suka menghadap sembahyang semula kepada Ka'bah kerana ia kiblat neneknya nabi Ibrahim dan nabi sudah dengar pula Yahudi ada berkata : “ Lihatlah Muhammad, berlain ia dengan ugama kita, tetapi diturutnya kiblat kita. Maka sudahlah nabi meminta pada Allah kiranya turun wahyu izin menghadap Ka'bah di Mekah, hingga sentiasa ia pergi balik memandang langit oleh terasa lambat turun wahyu itu kepadanya. Kemudian turun firman Allah yang di atas itu”*

Setelah beliau menyatakan *asbāb al-nuzūl*, beliau meneruskan tafsiran pada ayat berikutnya tanpa huraian lanjut terhadap ayat di atas. Penulis mendapati petikan tersebut juga dinukil dari kitab al-Wāḥidī..

#### **4.1.3.2 BERDASARKAN QAṢAṢ AL-QUR'ĀN**

Penggunaan sumber sejarah Islam dalam menafsirkan ayat-ayat al-Quran amat membantu al-Marbawi menjelaskan lagi makna tersurat di sebaliknya. Secara tidak langsung, ia menambah pengetahuan pembaca kitab tafsir al-Marbawi khususnya ayat-

---

<sup>40</sup> *Ibid.*, h. 81. al-Wāḥidī (1987), *op.cit.*, h. 77

ayat yang berkaitan *qasas al-Anbiya*'. Terdapat banyak ayat-ayat al-Quran yang ditafsir dengan kaedah ini.<sup>41</sup> Antaranya adalah seperti berikut:

ii) Kisah Nabi Musa.pada ayat 63, surah al-Baqarah

Firman Allah:

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَكُمْ وَرَفَعْنَا فَوْقَكُمُ الطُّورَ خُذُوا مَا  
ءَاتَيْنَاكُمْ بِقُوَّةٍ وَاذْكُرُوا مَا فِيهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿٦٣﴾

*Maksudnya : “Dan (ingatlah), ketika Kami mengambil perjanjian setia kamu semasa Kami angkat gunung Tursina di atas kamu (sambil Kami berfirman ): “Terimalah Taurat yang telah Kami berikan kepada kamu (serta amalkanlah) dengan bersungguh-sungguh dan ingatlah (jangan lupakan) apa yang tersebut di dalamnya, supaya kamu bertaqwa”*

( Surah al-Baqarah (2) : 64)

Al-Marbawi memasukkan kisah nabi Musa semasa menafsirkan ayat di atas. Ayat tersebut menyentuh tentang penurunan kitab Taurat di bukit Tursina. Bagi menjelaskan lagi kisah tersebut, al-Marbawi membawakan kisah nabi Musa bagi menarik minat pembaca iaitu berbunyi begini:<sup>42</sup>

*“ Kisahnya ialah tatkala kembali Musa kepada orang-orangnya membawa Taurat di dalam luh-luhnya maka dilihat oleh orang-orangnya itu beberapa hukum yang berat-berat dan taklif-taklif yang susah, sudahlah orang-orang Musa itu tak mau menerimanya maka dititah Allah akan Jibril pergi angkat gunung Tur ke atas kepala mereka itu. Apakala diperbuat Jibril maka mereka itu pula ambil terima dengan terpaksa disebabkan nampak di mata kepala akan gunung mau menimpa”*

<sup>41</sup> Lihat contoh-contoh lain pada halaman 53, h.57,h.66, h.147, h. 162, h. 171-176 dan h.193

<sup>42</sup> *Ibid.*, h.57

iii) Kisah Firaun ditelan laut pada ayat 50. surah al-Baqarah

Firman Allah:

وَإِذْ فَرَقْنَا بِكُمْ الْبَحْرَ فَأَنْجَيْنَاكُمْ وَأَغْرَقْنَا آلَ فِرْعَوْنَ  
وَأَنْتُمْ تَنْظُرُونَ ﴿٥٠﴾

*Maksudnya : “Dan (kenangkanlah) ketika Kami belahkan laut (Merah) untuk kamu lalui (kerana melarikan diri dari angkara Firaun), maka Kami selamatkan kamu dan Kami tenggelamkan Firaun bersama-sama tenteranya, sedang kamu semua menyaksikannya”*

( Surah al-Baqarah (2) : 50)

Al-Marbawi membawakan kisah bagaimana Firaun ditelan laut seperti keterangan berikut :<sup>43</sup>

*“ Adalah mula kisahnya dengan ringkas begini : Manakala sudah bermacam-macam jalan Allah Ta’ala beri tunjuk kepada jalan betul akan Firaun dan kaumnya dengan wasitah nabi Musa tiada juga Firaun mau menurut bahkan membesarkan diri dan sombong, maka Allah Ta’ala mau binasakan pula.”*

*“Allah Ta’ala pun berfirman kepada Musa pasti keluar dari Mesir bawa sekalian kaum kamu keluar malam-malam. Maka Musa alaihissalam pun keluarlah dengan kaumnya pada malam hari. Sudahlah keluaran mereka itu didengar oleh Firaun , maka Firaun pun bangun dengan tenteranya mengusir dari belakang”*

*“ Di dalam nabi Musa berjalan dengan kaumnya, sampailah ke tepi laut dan hari pun telah menjadi siang, sudahlah nampak Firaun dengan beberapa banyak tenteranya yang berkuda mengusir dari belakang . Kata kaum Musa dengan tercengang-cengangnya: Ke mana kita ya Musa – di hadapan kita laut dan di belakang kita musuh. . Di dalam itu turun wahyu daripada tuhan suruh Musa pukul laut dengan tongkatnya. Maka nabi Musa pun memukul laut itu kepada kaum Musa telah menjadi 12 belas jalan yang luas. Kaum Musa pun langsung masuk menempuhnya habis semuanya lepas menyeberang laut.”*

<sup>43</sup> Ibid., h. 46 & 47

“ Seelok-elok kaum Musa lepas menyeberang maka Firaun dan tenteranya pun telah sampai ke tepi laut di muka jalan Musa dan kaumnya menyeberang tadi. Wah! Sudahlah Firaun buat sombong lagi di situ dengan mengeluarkan kata : Cubalah lihat oleh sekalian kamu hai tenteraku akan kehebatan aku sampai laut menjadi bersebelahan airnya, mari kita tempuh jalan ini kita usir Musa dan kaumnya ”

“Pendeknya : Masuklah semuanya – Firaun dan kaumnya menempuh jalan dalam laut itu, seelok-elok habis semuanya sudah masuk menempuh jalan laut itu maka laut itu pun jadi bertangkep semula. Habislah tenggelam Firaun dan tenteranya mati. Dinampak oleh Musa dan kaumnya dengan mata kepala ”

#### 4.1.3.3 BERDASARKAN *AḤKĀM FIQHĪYYAH*

Pada ayat-ayat yang berkaitan dengan ayat hukum, al-Marbawi membawa pembaca kepada perbincangan ringkas terhadap hukum yang terkandung di dalam sesuatu ayat berdasarkan pandangan ulama’ dan mazhab *fiqh*. Contohnya adalah seperti berikut:<sup>44</sup>

i) Firman Allah:

وَلِلَّهِ الْمَشْرِقُ وَالْمَغْرِبُ ۚ فَأَيْنَمَا تُوَلُّوا فَثَمَّ وَجْهُ اللَّهِ ۚ إِنَّ  
اللَّهَ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

Maksudnya : “Dan Allah jualah yang memiliki timur dan barat , maka ke mana sahaja kamu arahkan diri (ke kiblat untuk menghadap Allah) maka di situlah arah yang diredhai Allah; sesungguhnya Allah Maha Luas (rahmatNya dan limpah kurniaNya), lagi sentiasa Mengetahui”

(Surah al-Baqarah (2) : 115 )

Semasa al-Marbawi menafsirkan ayat di atas iaitu ayat yang berkaitan dengan hukum kiblat, beliau menghurai hukum tersebut dengan menyandarkan pandangan

<sup>44</sup> Lihat contoh-contoh lain pada halaman 120, h.158-159, h.161, h.163-164 dan h.166



tersebut kepada kata-kata ulama' tetapi tidak dinyatakan nama ulama' tersebut berkemungkinan ia adalah pandangan jumbuh ulama'. Al-Marbawi menyatakan:<sup>45</sup>

*“ [ Hukum Kiblat ] telah dapat ulama' mengeluarkan hukum kiblat daripada ayat ini dan lainnya iaitu: orang-orang musafir di padang belantara atau di negeri kafir, tiba-tiba kesamaran kiblat, maka boleh seorang itu berijtihad kiblat dengan apa-apa dalilnya. Kemudian sembahyang ia ke pihak yang ia berijtihad itu. Suruh tiada qada' sembahyang itu jika tiada berbetulan dengan kiblat sekalipun. Begitu juga orang karam di laut yang dapat bergantung pada sekeping papan, maka boleh sembahyang sekira-kira bolehnya, maka sah sembahyang itu, dan begitu juga hukum sembahyang orang yang kena ikat ke batang kayu sekira-kira tak boleh ia menghadap kiblat”*

Daripada huraian tersebut, terdapat tiga keadaan individu yang berhadapan masalah kiblat di mana setiap satunya dinyatakan penyelesaian terhadap masalah tersebut:

- a) orang-orang musafir yang berada di tempat orang bukan Islam boleh berijtihad untuk menentukan arah kiblat. Walaupun setelah mengetahui arah kiblat hasil ijtihad tadi tidak tepat, sah solatnya dan tidak perlu diganti.
- b) orang-orang yang karam di lautan bersembahyang dengan kemampuan yang ada seperti hanya berpaut pada sekeping papan juga sah sembahyangnya .
- c) orang yang sembahyang dalam keadaan terikat di batang kayu juga sah sembahyangnya walaupun tidak dapat menghadap kiblat.

Hukum kiblat tersebut merupakan pandangan mazhab Hanafi dan mazhab Hanbali manakala mazhab Maliki dan mazhab Syafi'I berpendapat jika seseorang itu mengetahui bahawa arah kiblat tersebut adalah salah selepas menunaikan solat

---

<sup>45</sup> *Ibid.*, h. 86&87

hendaklah mengulangi solat tersebut dan jika diketahui semasa menunaikan solat, hendaklah berhenti dan mengulanginya semula solat mengikut arah yang betul.<sup>46</sup>

ii) Terdapat juga huraian ayat hukum yang disertakan pendapat mazhab iaitu pada firman Allah:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِصَاصُ فِيْ الْقَتْلِ  
الْحَرْبِ بِالْحَرْبِ وَالْعَبْدُ بِالْعَبْدِ وَالْاُنْثَىٰ بِالْاُنْثَىٰ فَمَنْ عَفِيَ لَهُ  
مِنْ اَخِيْهِ شَيْءٌ فَاَتَّبِعْ بِالْمَعْرُوْفِ وَاَدَّاءٌ اِلَيْهِ بِاِحْسٰنٍ  
ذٰلِكَ تَخْفِيْفٌ مِّنْ رَّبِّكُمْ وَرَحْمَةٌ فَمَنْ اَعْتَدَىٰ بَعْدَ ذٰلِكَ  
فَلَهُ عَذَابٌ اَلِيْمٌ

Maksudnya : “ Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan kamu menjalankan hukuman “Qisas” (balasan yang seimbang) dalam perkara orang-orang yang mati dibunuh iaitu: orang merdeka dengan orang merdeka, dan hamba dengan hamba, dan perempuan dengan perempuan. Maka sesiapa (pembunuh) yang dapat sebahagian keampunan dari saudaranya (pihak yang terbunuh), maka hendaklah (orang yang mengampunkan itu) mengikut cara yang baik (dalam menuntut ganti nyawa), dan (si pembunuh pula) hendaklah menunaikan (bayaran ganti nyawa itu) dengan sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah suatu keringanan dari Tuhan kamu serta suatu rahmat kemudahan. Sesudah itu sesiapa yang melampaui batas (untuk membalas dendam pula) maka baginya azab seksa yang tidak terperi sakitnya.”

( Surah al-Baqarah (2) : 178 )

Ayat di atas menyentuh tentang hukum *Qisas* iaitu hukum bunuh balas bunuh.

Dalam huraian ayat tersebut, al-Marbawi membawakan pandangan mazhab Malik,

<sup>46</sup> Wahbah al-Zuhaylī (1984), *al-Fiqh al-Islāmiy wa Adillatuhu*, j. 1, Damsyik : Dār al-Fikr, h. 600-601

mazhab Syafi'I dan Mazhab Hanbali sebagai tatapan pembaca. Al-Marbawi menyatakan:<sup>47</sup>

*“ Maknanya: Apabila bersamaan dua darah daripada orang-orang Islam yang merdaheka, atau daripada abdi-abdi yang Islam, atau daripada orang-orang merdaheka yang muahid-muahid, atau abdi-abdi daripada mereka itu. Maka bunuh balas tiap-tiap jenis itu apabila membunuh ia dengan seumpama laki-laki dengan laki-laki dan perempuan dengan perempuan dan dengan laki-laki dan tiada dibunuh mukmin dengan kafir, dan tiada merdaheka dengan abdi dan tiada bapa dengan anak dan dibunuh zammi dengan muslim dan abdi dengan merdaheka dan anak dengan bapa. Inilah mazhab Malik dan Syafi'I dan Ahmad.”*

Setelah itu, beliau membuat ulasan tentang hukum maaf dan *diyat* melalui keterangan bahawa sekiranya ahli keluarga mangsa pembunuhan telah memaafkan pembunuh tersebut dengan hanya membayar *diyat* maka hendaklah mengambil *diyat* tersebut dengan cara baik dan bukan cara kekerasan. Manakala pembunuh pula hendaklah tidak menangguhkan pembayaran *diyat* tersebut. Ulasan tersebut berakhir dengan peringatan menjauhkan diri daripada melakukan kezaliman dan azab yang pedih bagi sesiapa melanggar ketetapan hukum tersebut.<sup>48</sup>

#### 4.1.3.4 BERDASARKAN *NĀSIKH* DAN *MANSŪKH*

Penjelasan tafsiran dengan menyatakan *nāsikh* dan *mansūkh* ayat juga dapat dikesan pada metodolgi pentafsiran al-Marbawi. Ini menunjukkan bahawa beliau peka dengan aspek tersebut sebagaimana kelaziman *mufassir* terdahulu. Berikut adalah contoh ayat-ayat yang berkaitan dengan perkara di atas:<sup>49</sup>

---

<sup>47</sup> Al-Marbawi (1938), *op.cit*, h. 123 & 124; al-Zuhayli (1984).*ibid*, j. 6, h. 332

<sup>48</sup> *Ibid.*, h. 124

<sup>49</sup> Lihat contoh-contoh lain pada halaman 152

i) Firman Allah:

كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ إِنْ تَرَكَ خَيْرًا  
الْوَصِيَّةَ لِلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ بِالْمَعْرُوفِ ۗ حَقًّا عَلَى  
الْمُتَّقِينَ ﴿١٨٠﴾

*Maksudnya : “ Kamu diwajibkan , apabila seseorang dari kamu hampir mati, jika ia ada meninggalkan harta, (hendaklah ia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik (menurut peraturan agama), sebagai suatu kewajiban atas orang-orang yang bertakwa.”*

( Surah al-Baqarah (2) : 180 )

Ayat di atas menyentuh tentang kewajiban mewasiatkan harta pada dua ibu bapa dan kerabat dengan adil sebelum ajal tiba. Namun, menurut al-Marbawi hukum tersebut telah dinasakhkan dengan ayat *mir'āth* iaitu ayat 11 surah al-Nisa' Hukum tersebut dihurai seperti berikut.<sup>50</sup>

*“ Dan telah berjalan kebanyakan daripada mufassirin dan ulama' dan fuqaha' Hijaz dan Iraq kepada wajib berwasiat pada hak sekaliannya telah dinasakhkan dia. Tidaklah boleh seorang berwasiat anak laki-laki yang tua diberi harta peninggalanya lebih daripada yang muda atau diwasiatkan anak perempuan diberi lebih daripada laki-laki kerana semuanya itu tak boleh, sebab Allah Ta'ala sudah datangkan hukum pesaka”*  
*“Kata kebanyakan mufassirin – berwasiat itu sunat ia pada hak orang yang tiada menerima pesaka dan yang menunjukkan atas sunat itu ada beberapa hadis nabi. Maka berwasiat itu jangan lebih daripada sepertiga harga bahkan sebaik-baiknya kurang daripadanya”*

---

<sup>50</sup> *Ibid.*, h. 125

ii) Firman Allah :

وَالَّذِينَ يُتَوَفَّوْنَ مِنْكُمْ وَيَذُرُونَ أَزْوَاجًا وَصِيَّةً  
لِّأَزْوَاجِهِمْ مَّتَعًا إِلَى الْحَوْلِ غَيْرَ إِخْرَاجٍ فَإِنْ خَرَجْنَ فَلَا  
جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِي مَا فَعَلْنَ فِي أَنْفُسِهِنَّ مِنْ مَّعْرُوفٍ  
وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

*Maksudnya : “ Dan orang-orang yang (hampir) mati di antara kamu serta meninggalkan isteri, hendaklah berwasiat untuk steri-isteri mereka, iaitu diberi nafkah saguhati (makan, pakai dan tempat tinggal) hingga setahun lamanya, dengan tidak disuruh pindah dari tempat tinggalnya. Kemudian jika mereka keluar (dari tempat tinggalnya dengan kehendaknya sendiri) maka tidaklah kamu bersalah (wahai wali waris si mati) mengenai apa yang mereka (isteri-isteri itu) lakukan pada diri mereka dari perkara yang patut (yang tidak dilarang Syara’) itu. Dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa , lagi Maha Bijaksana ”*  
( Surah al-Baqarah (2) : 240 )

Begitu juga pada ayat di atas, beliau turut menjelaskan aspek *nasikh mansukh* dalam huraian. Ayat di atas mengandungi keterangan tentang kewajipan meninggalkan wasiat untuk para isteri. Sebelum membawakan ayat *nasakh*, beliau menyatakan bahawa pada zaman nabi, terdapat dua hukum yang diguna pakai iaitu pemberian nafkah dan *‘iddah* bagi seorang isteri yang kematian suami adalah selama setahun. Beliau menyatakan bahawa hukum tersebut terbatal oleh dua ayat lain yang menasakhkannya.<sup>51</sup>

Menurut al-Marbawi lagi, hukum pemberian nafkah selama setahun telah dinasakhkan dengan ayat 11, surah al-Nisa’ iaitu hanya seperempat atau seperlapan.

<sup>51</sup> *Ibid.*, h. 169

Manakala hukum *'iddah* selama setahun pula dinasakhkan dengan ayat 234, surah al-Baqarah iaitu berkurangan dari *'iddah* setahun kepada 4 bulan 10 hari sahaja.<sup>52</sup>

#### 4.1.3.6 BERDASARKAN *AMTHAL AL-QURAN*

Dalam al-Quran terdapat pelbagai bentuk ayat-ayat *amthal* dengan unsur *balaghah* al-Quran yang cukup indah. Al-Marbawi membahaskan ayat-ayat *amthal* dengan membawakan contoh lain sebagai tambahan agar ia lebih difahami oleh para pembaca. Berikut adalah contoh huraian ayat *amthal*.<sup>53</sup>

i) Contoh tafsiran *amthal* pada ayat 171, surah al-Baqarah iaitu :

Firman Allah:

وَمَثَلُ الَّذِينَ كَفَرُوا كَمَثَلِ الَّذِي يَنْعِقُ بِمَا لَا يَسْمَعُ إِلَّا  
دُعَاءَ وَنِدَاءَ صُمُّكُمْ عُمِّي فَهُمْ لَا يَعْقِلُونَ ﴿١٧١﴾

*Maksudnya : “ Dan bandingan (orang-orang yang menyeru) orang-orang kafir (yang tidak mahu beriman itu), samalah seperti orang yang berteriak memanggil binatang yang tidak dapat memahami selain dari mendengar suara panggilan sahaja; mereka itu ialah orang-orang yang pekak, bisu dan buta; oleh sebab itu mereka tidak dapat menggunakan akalunya.”*

( Surah al-Baqarah (2) : 171 )

Ayat di atas menyentuh tentang perumpamaan seruan beriman nabi Muhammad s.a.w kepada orang-orang kafir seperti orang yang berteriak memanggil binatang yang

<sup>52</sup> *Ibid*

<sup>53</sup> Lihat contoh-contoh lain pada halaman 188

tidak memahami teriakan tersebut. Al-Marbawi dalam huraianya membawa contoh perumpamaan yang lain iaitu ibarat seorang gembala kambing berteriak memanggil kambing-kambing peliharaannya. Beliau menjelaskan lagi dengan mengibaratkan nabi Muhammad itu adalah gembala kambing dan orang-orang kafir pula diibaratkan sebagai kambing-kambing tersebut. Beliau menambah lagi dengan mengulas orang-orang kafir itu hanya mendengar suara seruan Rasulullah sahaja tetapi tidak memikirkan apa yang diseru oleh Allah dan rasul-Nya.<sup>54</sup>

ii) Contoh tafsiran ayat 261, surah al-Baqarah iaitu :

Firman Allah:

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ  
 أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضَعِفُ  
 لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦١﴾

*Maksudnya : “ Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi meliputi ilmu pengetahuanNya.”*

( Surah al-Baqarah (3) : 261)

Al-Marbawi menghurai bahawa Allah membawakan satu perumpamaan pahala harta orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah dengan sebiji bijian yang tumbuh keluar darinya tujuh tangkai dan pada tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Perumpamaan ini dijelaskan dengan ringkas dengan memberi contoh pahala bersedekah iaitu orang yang bersedekah satu dirham akan dibalas Allah

<sup>54</sup> *Ibid.*, h. 119

sepuluh dirham atau tujuh ratus dirham serta akan berganda mengikut keikhlasan hati orang yang bersedekah.<sup>55</sup>

### **4.3 ANALISIS PERBEZAAN METODOLOGI TAFSIRAN SURAH AL-BAQARAH DAN SURAH YASIN**

Hasil kajian mendapati, terdapat tiga aspek perbezaan metodologi al-Marbawi dalam menghurai ayat-ayat al-Quran. Aspek tersebut dilihat berdasarkan penelitian yang dibuat terhadap tafsiran surah al-Baqarah dan tafsiran surah Yasin. Secara umumnya, wujud perbezaan metodologi tersebut dipengaruhi oleh perkembangan ilmu yang diperolehi beliau sepanjang keberadaannya di bumi Mesir di samping pengalaman-pengalaman baru dalam bidang penulisan. Jika dilihat pada tarikh penulisan kedua-dua buah tafsir tersebut, perbezaan jelas didapati di mana penulisan tafsir surah al-Baqarah adalah pada tahun 1938 manakala penulisan tafsir surah Yasin pula adalah pada tahun 1964. Faktor perbezaan masa ini amat mempengaruhi kedua-dua hasil karya tersebut.

#### **4.3.1 ASPEK AYAT-AYAT YANG DITAFSIR**

Berdasarkan penelitian yang telah dibuat ke atas ayat-ayat al-Quran yang ditafsir, kajian mendapati tidak semua ayat al-Quran itu dihurai dan dibincangkan. Berbalik kepada tujuan al-Marbawi menulis tafsir adalah tafsiran yang ringkas dan padat. Berkemungkinan ayat-ayat tanpa tafsiran tersebut sudah memadai dengan meneliti terjemahan ayat sahaja, pembacanya akan memahami kandungannya. Sebagai

---

<sup>55</sup> *Ibid.*, h. 185



contoh, pada ayat 52 dan 53 dari surah al-Baqarah, beliau hanya menulis terjemahan ayat sahaja dan meneruskan penulisannya dengan tafsiran ayat 54 dan seterusnya.<sup>56</sup>

Bagi ayat-ayat yang panjang yang memerlukan huraian yang panjang, al-Marbawi akan membahagi-bahagikan ayat tersebut kepada beberapa potongan ayat terlebih dahulu dan kemudian diikuti dengan tafsiran pada setiap potongan-potongan ayat tersebut. Sebagai contoh pada tafsiran ayat 143, surah al-Baqarah, beliau membahagikan ayat tersebut kepada lima potongan ayat dan disertai tafsirannya pada setiap potongan ayat tersebut.<sup>57</sup> Begitu juga pada ayat 196, surah yang sama, beliau membahagikan ayat tersebut kepada lapan potongan ayat sebelum dihurai lanjut.<sup>58</sup>

Berbeza pula dengan kaedah yang diterapkan al-Marbawi semasa menulis tafsiran surah Yasin. Beliau tidak mengkhususkan tafsiran sama ada pada keseluruhan ayat mahupun berdasarkan potongan-potongan ayat tetapi pendekatannya adalah lebih cenderung kepada menghurai ayat-ayat berdasarkan kupasan isu yang terkandung dalam sesuatu ayat. Sebagai contoh, dalam tafsiran ayat 23, surah Yasin, beliau menghurai kandungan ayat tersebut berdasarkan

#### **4.3.2 ASPEK PERBAHASAN AYAT**

Dari aspek perbahasan ayat, al-Marbawi lebih banyak menggunakan kaedah huraian *tafsir ma'nawiyyah* semasa mentafsir ayat-ayat yang terkandung dalam surah al-Baqarah dan perbahasannya adalah umum dan ringkas.

---

<sup>56</sup> *Ibid.*, h. 49. Contoh-contoh lain boleh didapati pada halaman 61, h.64, h.79, h.93, h.112, h.115, h.169, h.175, h.176, h.184, dan h.196

<sup>57</sup> *Ibid.*, h. 102-103

<sup>58</sup> *Ibid.*, h. 132-138

Manakala dalam tafsir surah Yasin pula, perbahasannya lebih khusus dan huraian ayat adalah berdasarkan isu-isu yang ingin diketengahkan al-Marbawi. Isu-isu yang diketengahkan pula kebanyakannya adalah berdasarkan tafsiran kitab-kitab tafsir muktabar seperti *Tafsīr al-Kabīr*, *Tafsīr al-Ṭabarī*, *Tafsīr Qurṭubī* dan sebagainya. dan faktor ini menyebabkan perbahasannya agak panjang. Tidak hairanlah jika jumlah halaman bagi tafsiran surah Yasin adalah lebih banyak berbanding tafsiran surah al-Baqarah sedangkan jika dilihat kepada jumlah ayat, surah Yasin hanyalah 83 ayat berbanding surah al-Baqarah yang mengandungi 286 ayat.

#### **4.3.3 ASPEK APLIKASI ULUM AL-QURAN**

Hasil penelitian terhadap metode al-Marbawi juga mendapati beliau banyak menggunakan huraian berdasarkan aspek ulum al-Quran yang terdiri daripada *asbāb al-nuzul*, *nāsikh mansūkh* dan perumpamaan dalam tafsiran surah al-Baqarah berbanding tafsiran surah Yasin. Pada pandangan penulis, keadaan ini berlaku disebabkan tumpuan perbahasan al-Marbawi dalam tafsiran surah Yasin adalah terikat kepada perbahasan berdasarkan isu-isu yang terkandung dalam sesuatu ayat dan ayat-ayatnya pula banyak menyentuh aspek rukun iman yang kurang memerlukan penerapan aspek tersebut.

Tetapi jika dilihat pada tafsiran surah al-Baqarah pula, kandungan ayat-ayatnya meliputi aspek keimanan, kisah-kisah dalam al-Quran, ayat-ayat *amthal* dan hukum-hukum syara' yang amat memerlukan penggunaan ulum Quran sebagai alat bantuan bagi menghurai ayat-ayat tersebut agar difahami dan diambil pengajaran darinya.

#### 4.3.4 ASPEK PENDEKATAN

Al-Marbawi menggunakan pendekatan seolah-olah beliau berkomunikasi dengan pembaca tafsirnya. Dengan gaya bahasa penceritaan, pembaca yang membaca tafsirnya dapat memahami huraian tafsirnya dengan baik walaupun mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza. Aspek-aspek dakwah dan tarbiyyah banyak didapati digunakan oleh al-Marbawi semasa menghurai sesuatu ayat secara tidak langsung memperkembangkan lagi ilmu agama Islam di kalangan pembacanya. Pendekatan ini dikesan dalam *Tafsir Quran Marbawi Juzuk Alif Lām Mīm*.

Berbeza pula halnya dengan *Tafsir Quran Marbawi Surah Yasin*, beliau menggunakan pendekatan gaya bahasa penterjemahan yang sarat dengan nukilan-nukilan mufassir yang menjadi rujukan al-Marbawi. Keadaan ini menyebabkan tiada komunikasi secara langsung antara pengarang dan pembaca seperti halnya dalam *Tafsir Quran Marbawi Juzuk Alif Lām Mīm*. Berkemungkinan, matlamat pengarang adalah untuk memperkayakan pembaca dengan ilmu-ilmu pengetahuan melalui nukilan-nukilan para *mufassir* terdahulu.

#### 4.4 ANALISIS KEISTIMEWAAN METODOLOGI AL-MARBAWI

Terdapat beberapa keistimewaan dalam metodologi al-Marbawi dikesan. Berikut adalah huraian lanjut keistimewaan-keistimewaan tersebut:

#### 4.4.1 PENTAFSIRAN SECARA IJMALI DAN TAHLILI

Secara keseluruhannya, kajian mendapati al-Marbawi telah menggunakan pendekatan *tafsir tahlili* dan *tafsir Ijmali* semasa mentafsir dan menghurai ayat-ayat al-Quran. Pendekatan tafsir tahlili digunakan khususnya pada ayat-ayat al-Quran berkaitan hukum melalui penekanan aspek *asbab al-nuzul* , hukum-hukum dan pengertian ayat secara terperinci ataupun ringkas.

Manakala pada ayat-ayat lain, beliau telah menggunakan pendekatan tafsir ijmal di mana beliau membuat huraian dan menjelaskan maksud susunan ayat-ayat tersebut berdasarkan tujuan-tujuan yang dikehendaki olehnya. Huraian dan penjelasan dibuat dalam susunan kata dan gaya bahasa tersendiri dan tidak terikat dengan teks asalnya, agar mudah difahami pembaca. Keadaan ini dapat dilihat khususnya pada ayat-ayat yang berkaitan dengan ketuhanan, kerasulan, dan keimanan.

#### 4.4.2 GABUNG JALIN SUMBER MA'THUR DAN RA'Y

Kajian juga mendapati bahawa al-Marbawi dalam penafsiran ayat-ayat al-Quran tidak tertumpu pada penggunaan sumber *ma'thur* semata-mata mahupun sumber *ra'y* tetapi membuat huraian dengan menggabungkan kedua-dua sumber tersebut. Kaedah ini didapati amat konsisten digunakan beliau dalam huraiannya dan dapat menarik perhatian pembaca kitab tafsir ini.

Sebagai contoh, ketika menghurai ayat 40, surah Yasin iaitu firman Allah :

لَا الشَّمْسُ يَنْبَغِي لَهَا أَنْ تُدْرِكَ الْقَمَرَ وَلَا اللَّيْلُ سَابِقُ  
النَّهَارِ وَكُلٌّ فِي فَلَكٍ يَسْبَحُونَ ﴿٤٠﴾

“ Dengan ketentuan yang demikian, matahari tidak mudah baginya mengejar bulan dan malam pula tidak dapat mendahului siang kerana tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edarannya masing-masing”,

(Surah Yasin[36] :40)

al-Marbawi membawakan ayat 73, surah al-Qasas sebagai penjelas bahawa kejadian malam dan siang itu memberi rahmat dan manfaat kepada manusia untuk berehat dan mencari rezeki. Kemudian beliau membawakan sumber *ra'y* yang diambil dari *Tafsīr al-Kabīr* karangan al-Rāzī yang dapat disimpulkan bahawa pergerakan matahari dan bulan adalah mengikut peredarannya kerana ia memberi petunjuk kepada manusia berlakunya malam dan siang.<sup>59</sup>

#### 4.4.3 APLIKASI ULUM AL-QURAN

Keistimewaan metodologi al-Marbawi juga dapat dilihat apabila beliau menggunakan ulum al-Quran semasa membuat huraian ayat. Antara aspek ulum al-Quran yang sering digunakan al-Marbawi ialah aspek *asbab al-nuzul* dan *nasikh mansukh*. Secara tidak langsung, pembaca tafsir ini dapat menambah pengetahuan mereka dalam bidang berkenaan dan memahami maksud tersurat dan tersirat yang terdapat dalam sesuatu ayat al-Quran.

Manakala aspek-aspek lain kurang diberi penekanan dalam huraian ayat-ayat al-Quran. Namun begitu, analisis ini hanya berdasarkan tafsiran beliau terhadap surah al-

<sup>59</sup> Al-Marbawi (1964).*op.cit.*, h. 119-120

Fatihah dan surah al-Baqarah sahaja. Berkemungkinan tafsiran pada surah-surah yang lain menekankan aspek ulum al-Quran yang lain.

#### 4.4.4 PENDEKATAN DAKWAH DAN TARBIYAH

Sebagai seorang mufassir, al-Marbawi juga sebenarnya berdakwah melalui tulisannya. Beliau banyak memasukkan unsur-unsur dakwah dan tarbiyyah dalam tafsirannya dengan menggunakan beberapa istilah sebagai *tanbih* kepada pembaca. Istilah-istilah tersebut adalah seperti “Ya saudaraku”,<sup>60</sup> “Ya saudara”,<sup>61</sup> “Hai saudara”,<sup>62</sup> “Hai sekalian saudara”<sup>63</sup> sebelum memulakan perbincangan terhadap kandungan sesuatu ayat.

Contohnya, pada huraian ayat 12, surah al-Baqarah beliau mengajak pembacanya agar melakukan kebaikan dan meninggalkan kejahatan agar tidak tergolong dalam golongan munafik yang akhirnya akan mendapat balasan Allah kelak. Kenyataan tersebut berbunyi seperti berikut:<sup>64</sup>

*“Ya saudara-saudara, tidak sempurna kemanusiaan seorang itu melainkan dengan meninggalkan sifat yang dikeji seperti tersebut itu, dan dengan mengerjakan barang yang baik-baik. Maka kedua perkara ini telah disuruh Allah Ta’ala kepada orang munafik itu tetapi kebusukan perangnya juga ditunjukkannya maka dapat mereka itu kecelakaan jua.”*

Secara tidak langsung, al-Marbawi mendidik pembaca yang terdiri daripada pelbagai peringkat golongan masyarakat. Walaupun tafsir ini tidak tersebar luas namun

---

<sup>60</sup> Al-Marbawi (1938), *op. cit.*, h. 2

<sup>61</sup> *Ibid.*, h. 12

<sup>62</sup> *Ibid.*, h. 15

<sup>63</sup> *Ibid.* h. 113

<sup>64</sup> *Ibid.*, h. 12

ia tetap menjadi rujukan utama khususnya para pelajar di Mesir pada ketika itu yang kurang mahir berbahasa Arab.

## **4.5 KELEMAHAN METODOLOGI AL-MARBAWI**

### **4.5.1 BAHASA YANG SUKAR DIFAHAMI**

Al-Marbawi dalam metodologi penulisannya menggunakan bahasa Melayu lama sebagai bahasa perantaraan. Penggunaan bahasa ini dalam tulisan jawi turut mengundang kesukaran pembaca memahami huraian terhadap sesetengah ayat terutamanya generasi sekarang yang bukan sahaja kurang membaca kitab-kitab lama bahkan semakin kurang membaca bahan bacaan dalam tulisan jawi. Sebagai contoh perkataan “tagar”,<sup>65</sup> “jazamkan dia”,<sup>66</sup> “sampar”<sup>67</sup> dan lain-lain lagi, tidak difahami maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh beliau.

### **4.5.2 RIWAYAT TANPA PERAWI**

Penggunaan riwayat tanpa perawi dikesan pada hampir keseluruhan ayat yang dinyatakan *asbab al-nuzul*. Hanya beberapa ayat sahaja yang menyatakan perawinya seperti Ibn ‘Abbas. Beliau juga adakalanya menggunakan ungkapan “qila” bagi merujuk *asbab al-nuzul* tersebut dan adakalanya terus kepada menyatakan *asbab al-nuzul* sesuatu ayat tersebut dengan menggunakan bahasa tersendiri.<sup>68</sup>

---

<sup>65</sup> *Ibid.*, h.17

<sup>66</sup> *Ibid.*, h.19

<sup>67</sup> *Ibid.*, h.148

<sup>68</sup> Lihat contoh-contoh dalam Tafsir Quran Marbawi Juzuk Alif Lām Mīm pada halaman 75, h.79, h.86, dan h. 91

### 4.5.3 RUJUKAN MUFASSIR TANPA NAMA

Situsai di atas berlaku apabila beliau memasukkan tafsiran lain sebagai penambahan huraian sesuatu ayat. Beliau menggunakan ungkapan “kata mufassirin”<sup>69</sup>, “kata qila”<sup>70</sup>, “kata kebanyakan mufassirin”,<sup>71</sup> “telah berkata setengah mufassirin”<sup>72</sup>, “kata ahli tafsir”<sup>73</sup> bagi merujuk tafsiran tersebut tanpa dinyatakan sumbernya. Penggunaan ungkapan ini akan menyukarkan para pembaca membuat rujukan lanjut sekiranya diperlukan.

## 4.6 KESIMPULAN

Hasil kajian terhadap metodologi-metodologi pentafsiran yang digunapakai oleh al-Marbawi, dapat disimpulkan bahawa beliau menggunakan sumber *ma'thur* daripada al-Quran, al-hadith, pendapat sahabat dan tabi'in seperti kelaziman seorang mufassir yang sebenar dalam perbahasan terhadap kandungan sesuatu ayat. Beliau juga mengaplikasi sumber *ra'y* sama ada ijthad beliau sendiri yang tidak menyimpang dan melampaui batas atau nukilan dari kitab-kitab tafsir muktabar. Sebagai seorang mufassir yang mahir berbahasa Arab dan memiliki pengetahuan dalam ulum al-Quran, beliau turut menggunakan ilmu tersebut sebagai salah satu bentuk pendekatan perbahasan terhadap sesuatu isu yang terkandung dalam aya-ayat al-Quran. Keupayaan beliau menghurai dan membincangkan isi kandungan ayat-ayat al-Quran dengan pelbagai pendekatan meletakkan beliau sebagai mufassir yang sememangnya menguasai ilmu metodologi pentafsiran al-Quran.

---

<sup>69</sup> *Ibid.*, h.58 dan h.127

<sup>70</sup> *Ibid.*, h. 55 dan h.154. Lihat juga dalam *Tafsir Quran Marbawi Surah Yasin* pada halaman 40

<sup>71</sup> *Ibid.*, h.125

<sup>72</sup> Al-Marbawi (1964), *op.cit.*, h. 23

<sup>73</sup> *Ibid.*, h.23